

PENGIMARAHAN MASJID KARIAH DI NEGERI SELANGOR MELALUI AKTIVITI MASJID

Muhammad Yusuf Marlon Abdullah,¹ Halim Mokhtar,¹ Mariam Abd Majid,¹ Zulkefli Hj Aini²

¹Faculty of Islamic Civilization Studies, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia.

²Faculty of Islamic Studies, National University of Malaysia (UKM), 43600, Bandar Baru Bangi, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author: Muhammad Yusuf Marlon Abdullah. Faculty of Islamic Civilization Studies, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia. Email: yusufmarlon@kuis.edu.my

Abstrak

Sejarah telah membuktikan bahawa Islam itu tersebar luas melalui dakwah yang dilakukan oleh para sahabat yang mempunyai iman yang mantap kepada Allah SWT. Pendekatan ini diperkukuhkan lagi melalui pembinaan masjid sebagai aktiviti sosial dan kemasyarakatan. Asas dalam keperluan pengimarah masjid mestilah didasari oleh aktiviti keagamaan iaitu konsep memakmurkan masjid dengan tujuan amar ma'ruf nahi mungkar iaitu menyuruh manusia melakukan amal kebajikan dan melarang manusia daripada melakukan sebarang kejahatan. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan bagi mengkaji pengimarah masjid kariah di negeri Selangor melalui aktiviti masjid. Metodologi kajian ini adalah berbentuk kuantitatif iaitu menggunakan pengedaran soal selidik untuk mendapatkan data utama. Kajian dilakukan kepada 200 orang responden yang terdiri dari kalangan Nazir Masjid Kariah di Negeri Selangor. Seterusnya, data yang diperolehi kemudian dianalisis dengan menggunakan SPSS Version 23.0 (Statistical Package for Social Science) dan dijelaskan dalam bentuk statistik deskriptif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa nilai min bagi pengimarah masjid kariah di negeri Selangor melalui aktiviti masjid adalah berada pada tahap sangat tinggi iaitu nilai min keseluruhan iaitu 4.24. Perkara ini memberi implikasi bahawa pengimarah masjid kariah di negeri Selangor melalui aktiviti masjid adalah sangat baik dan memuaskan.

Kata kunci: Pengimarah, Masjid Kariah, Aktiviti Masjid, Selangor

(REVIVAL OF KARIAH MOSQUE IN THE STATE OF SELANGOR THROUGH MOSQUE ACTIVITIES)

Abstract

History has proven that Islam spread widely through the preaching done by the sahabah who have strong faith to Allah SWT. This approach is further strengthened through the construction of mosques as a social and community activities. The basis in the need for the maintenance of the mosque must be based on religious activities through the concept of revival the mosque with the purpose of amar ma'ruf nahi mungkar, which is to ask for people to do good deeds and forbid them from committing any evil. In relation to that, this study was conducted to study the revival of kariah mosques in the state of Selangor through mosque activities. The methodology of this study was quantitative in nature that uses the questionnaires distribution to obtain the main data. The study was conducted on 200 respondents consisting of Nazir Masjid Kariah in the State of Selangor. Next, the data obtained were then analyzed using SPSS Version 23.0 (Statistical Package for Social Science) and explained in the form of descriptive statistics. The findings of the study showed that the mean value for the entertainment of the kariah mosque in the state of Selangor through mosque activities was at a very high level with overall mean value of 4.24. This implies that the revival of kariah mosque in the state of Selangor through mosque activities was defined as very good and in satisfactory.

Keywords: Revival, Masjid Kariah, Mosque Activities, Selangor

Received: April 3, 2022

Accepted: June 25, 2022

Online Published: June 30, 2022

1. Pendahuluan

Al-Baidawi (1373H) menjelaskan maksud pengimarahkan dan memakmurkan masjid ialah merujuk kepada membina, menjaga kebersihan, melengkapi kemudahan dan prasarananya serta membuat penerangan. Juga termasuk kategori mengimarahkan masjid adalah mendirikan solat di dalamnya, banyak mengerjakan solat berjemaah di dalamnya, belajar dan mengajar ilmu-ilmu yang bermanfaat di dalamnya, ilmu yang bermanfaat yang paling agung adalah belajar dan mengajar al-Quran dan melakukan ketaatan-ketaatan lain serta mengikhhlaskan semua bentuk ibadah hanya untuk mencari redha Allah semata-mata.

Kesedaran dalam pengimarahkan masjid adalah penting dan perlu mengetahui apakah faktor yang dapat menarik minat masyarakat dalam menghadiri dan memakmurkan program-program yang dianjurkan oleh pihak masjid. Berdasarkan dapatan dari Faisal (2014) masalah pengimarahkan masjid dapat disimpulkan kepada beberapa perkara antaranya, fasiliti bangunan masjid yang tidak mesra jemaah, tajuk program dan ceramah yang dianjurkan tidak menarik, pengurusan masjid yang lemah dan kewangan masjid yang terhad dan menyebabkan program pengimarahkan tidak dapat dijalankan.

Kenyataan ini disokong oleh Yasim Mohamed (2015) yang menerangkan senario masjid pada hari ini yang dilihat kurangnya sambutan oleh masyarakat disekeliling antara sebabnya ialah krisis kepimpinan iaitu kelemahan kepimpinan pengurusan masjid, Ahli Jawatankuasa masjid kurang komitmen dan kelayakan merupakan punca kelemahan institusi masjid. Kenyataan ini ditambah dengan dapatan kajian Hailani Salamun dan Rofishah Rashid (2016) menyatakan bahawa pengerusi masjid kurang menyerlah dalam mengurus tenaga yang berkaitan dengan pengembangan ilmu profesional dan juga mengendalikannya aktiviti masjid.

Faktor kegagalan pengimarah masjid kerana fungsi kebanyakan masjid menjadi terhad dan tempat khusus untuk ibadah dan kurang penganjuran aktiviti yang melibatkan komuniti. Menurut Faisal (2014) dan kajian Roslan Mohamed (2004) menyatakan bahawa masjid dilihat sebagai medan yang hanya bersifat umum semata-mata untuk melakukan ibadat khusus, tempat kenduri dan majlis akad nikah semata-mata. Pihak pengurusan masjid mengambil pendekatan agak kaku kerana prasarana yang ada di masjid itu hanya untuk mengadakan aktiviti solat sahaja dan tidak menyokong atau menyediakan suasana lebih kondusif untuk aktiviti lain. (Wan Mohamad, 2008). Ini merupakan antara masalah utama yang menyumbang kepada kelemahan pengimarah institusi masjid (Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi, 1999). Beliau menambah lagi dengan menyatakan bahawa institusi masjid tidak lagi melaksanakan fungsi seluas perannya di zaman sebelumnya. Tanggungjawab mengimarahkan masjid tidak dianggap sebagai satu tuntutan Islam yang penting. Manakala pengaruh masjid pula tidak kelihatan dalam kehidupan masyarakat, sebaliknya pengaruh di luar masjid lebih kuat mempengaruhi dan membentuk perilaku serta pemikiran mereka.

2. Definisi Imarah Masjid

Pengimarah ialah menggerakkan atau menghidupkan suasana di masjid atau surau dengan pelbagai kegiatan berfaedah, biasanya berbentuk keagamaan. Ada juga sebahagian yang menggunakan perkataan memakmurkan masjid. Memakmurkan adalah dari kata dasar makmur yang beerti mempunyai hasil yang banyak (daerah, negeri, dan lain-lain) mempunyai penduduk yang banyak dan cukup kehidupannya. Apabila perkataan tersebut ditambah awalnya imbuan me-makmur-kan dan imbuan 'kan' di belakang bermaksud memajukan supaya makmur. Perkataan pengimarah lebih dikhususkan penggunaannya kepada masjid, berbanding dengan perkataan memakmurkan yang lebih luas penggunaannya (Kamus Dewan, 2020).

Menurut Al-Qaradawi (1990) pula menyatakan *ta'mirul masjid* ialah selalu menghidupkan jemaah di dalamnya, beribadat, berkhidmat, memelihara, membersihkan, memperbaiki yang rosak, mencukupkan mana yang kurang dan berhijrah kepadanya untuk beribadah. Beliau menyatakan memakmurkan masjid bermaksud, mendirikan solat di dalamnya, berdoa, berzikir dan menegakkan syiar-syiarnya. Perkataan *al-Imarah* tidak boleh dipisahkan daripada pengertian *al-umran*. Ini kerana tanpa salah satu daripada keduanya perkataan-perkataan ini tidak mempunyai erti. Tujuan *al-imarrah* ialah untuk membina, membangun sesuatu bangunan, kawasan, alam sekitar, negara dan ummah (Ibn Khaldun, 1974).

Menurut Razaleigh Muhamat@Kawangit dan Zulkefli Ani (2003) menjelaskan bahawa masjid adalah institusi paling dekat di hati umat Islam. Peranan dan fungsi masjid sebagai pusat sehenti perlu diperkasakan. Manakala pengimarah masjid adalah tanggungjawab bersama. Senario semasa aktiviti masjid adalah berdasarkan ibadah khusus (solat fardu), kelas pengajian harian dan mingguan, sambutan hari-hari kebesaran Islam, seminar dan kursus jangka pendek serta kelas al-Quran dan fardu ain. Firman Allah SWT:

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسْجِدَ اللَّهِ مَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَءَاتَى الزَّكَاةَ وَلَمْ يَحْشَ إِلاَّ اللَّهَ فَعَسَىٰ أُولَٰئِكَ أَن يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ

Maksudnya:

Sesungguhnya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk.

(QS. al-Taubah 9:18)

Memakmurkan masjid adalah membina, menjaga kebersihan, melengkapinya kemudahan dan prasarannya, dan membuat penerangan. Juga termasuk kategori memakmurkan masjid adalah mendirikan solat didalamnya, banyak mengerjakan solat berjemaah di dalamnya, belajar dan mengajar ilmu-ilmu yang bermanfaat didalamnya, ilmu yang bermanfaat yang paling agung adalah belajar dan mengajar al-Quran dan melakukan ketaatanketaatan lain, seta mengikhhlaskan semua bentuk ibadah hanya untuk mencari redha Allah semata (Ibnu Kathir, 1996).

Fungsi pengimarah masjid menurut Abdul Munir Ismail (2012) matlamat pengimarah dan keceriaan masjid dapat dibahagikan kepada tiga matlamat penting iaitu, mengajar manusia bertakwa dan menjauhkan maksiat. Kedua, meninggikan syiar Islam dan menghapuskan syirik. Ketiga membimbing golongan jahil dan memberi peringatan kepada golongan lalai supaya kembali kepada Allah. Berdasarkan penjelasan diatas dapatlah difahamkan bahawa matlamat pengimarah masjid yang dilaksanakan kepada semua orang tidak kira lapisan masyarakat dan peringkat umur adalah bertujuan untuk mengukuhkan akidah Islam supaya makin mantap. Ia juga dapat menjaga masyarakat dari sebarang penyelewengan akidah dan memperbaiki akhlak dan melaksanakan ibadah yang dituntut oleh Allah SWT.

Hakikat memakmurkan masjid adalah menetapinya untuk melaksanakan ibadah di dalamnya dalam rangka mencari keredaan-Nya, misalnya solat, berzikir kepada Allah SWT dan mempelajari ilmu agama. Juga termasuk maknanya adalah membangun masjid, menjaga dan memeliharanya. Dua makna inilah yang diungkapkan oleh para ulama Ahli tafsir ketika menafsirkan ayat dia atas. Imam Ibnul Jauzi menjelaskan bahawa yang dimaksudkan dengan memakmurkan masjid menurut ayat 18 surah al Taubah memberikan dua pendapat iaitu selalu mendatangi masjid dan berdiam di dalamnya (untuk beribadah kepada Allah SWT) dan membangun masjid dan memperbaikinya.

Menurut Ibnu Kathir (1996) berkata: “Bukanlah yang dimaksud dengan memakmurkan masjid-masjid Allah hanya dengan menghiasi dan mendirikan fizikal bangunannya sahaja, akan tetapi memakmurkannya adalah dengan berzikir kepada Allah dan menegakkan syariat Allah di dalamnya, serta membersihkannya dari maksiat dan syirik”. Dalam penjelasan Ibnu Kathir, terdapat syarat yang melekat pada orang-orang yang memakmurkan masjid Allah SWT iaitu beriman kepada Allah dan hari akhir, tetap mendirikan solat, menunaikan zakat dan tidak takut (kepada siapa pun) kecuali takut (takwa) kepada Allah SWT. Ini bersesuaian dengan Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا ادْخُلُوا فِي السِّلْمِ كَآفَّةً وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman! Masuklah kamu ke dalam agama Islam (dengan mematuhi) segala hukum-hukumnya; dan janganlah kamu menurut jejak langkah Syaitan; sesungguhnya Syaitan itu musuh bagi kamu yang terang nyata. (QS. al-Baqarah 2: 208)

Perbincangan tentang gaya kepemimpinan Islam dan barat sudah lama dibahaskan di dalam al-Quran seperti ayat-ayat dinyatakan dalam perbincangan sebelum ini.

3. Tujuan Pengimarahannya Masjid

Institusi masjid dan pengimarahannya mempunyai hubungkait yang sangat rapat di mana masjid itu berperanan sebagai *fokus utama* seluruh umat Islam khususnya. Malah jika disebut tentang masjid, masyarakat kebanyakannya akan bertanya tentang program dan pengimarahannya yang telah dilakukan oleh masjid itu sendiri. Masjid itu sendiri menandakan lambang perpaduan umat Islam. Oleh itu untuk melaksanakan program dan pengimarahannya di masjid bagi kebaikan umat Islam khususnya, perancangan dan tatacara itu perlu dikenal pasti malah mengetahui intipati di sebalik pengimarahannya serta kesan yang akan dilakukan.

Hal ini kerana masyarakat memandang mudah pada setiap yang dilakukan oleh masjid. Bagi sesetengah mereka yang lain ada juga yang mengatakan bahawa masjid tidak ada fungsi melainkan hanya untuk ibadah semata-mata. Dengan itu kita akan merungkai beberapa elemen penting yang perlu diambil berat oleh masyarakat Islam dan Ahli Jawatankuasa masjid khususnya bagi mengimarahkannya dengan cara dan pengisian yang bermanfaat.

Kepimpinan masjid memainkan peranan penting dalam usaha mengurus dan mengimarahkannya masjid. Kepimpinan yang bijak dan cekap serta bertanggungjawab menjadi pemangkin utama kecemerlangannya masjid. Pemimpin yang berkesan dapat mengenalpasti, menunjukkan cara dan menguatkuasakan nilai yang menyokong pencapaian misi dan visi sesebuah organisasi (Hailan, 2010), banyak kajian yang melihat kepemimpinan antara faktor penting dan memainkan peranan sebagai agen perubahan organisasi khususnya kajian-kajian yang dijalankan sejak tahun 1960-an dan 1970-an.

Pemimpin unggul biasanya berkeperibadian dan mempunyai latar belakang nilai yang mantap dengan visi yang futuristik. Namun, banyak kajian kurang mengaitkan kepemimpinan berkesan dengan keperibadian. Pemimpin seharusnya memainkan peranan menjelaskan kepentingan nilai dalam setiap amalan pekerjaan. Nilai yang bertunjangkan

prinsip dan falsafah hidup dapat menjelaskan keyakinan dan sikap ahli bertanggungjawab terhadap organisasi. Keadaan ini akan dapat melahirkan amalan yang menjadi garis panduan dalam organisasi.

Pemimpin hendaklah meletakkan atau menggariskan visi dan misi pengimarahannya yang terbaik daripada keadaan yang ada sekarang. Ia juga hendaklah berupaya menggambarkan dan menerangkan visi dan misi itu kepada individu-individu lain sehingga dapat difahami oleh para pengikutnya. Sekiranya seorang pemimpin tidak mempunyai visi dan misi untuk organisasinya, maka dengan mudahnya individu-individu di bawahnya tidak dapat memahami arah tuju organisasi yang dipimpin. Visi itu mungkin bermula dengan seorang sahaja, tetapi ia hanya dapat dijayakan dengan usaha Ahli Jawatankuasa secara keseluruhan (Ab. Aziz Mohd Zain, 2002).

Oleh itu, pemimpin tersebut hendaklah memahami visi yang hendak dicapai supaya setiap misi yang diusahakan membuahkan hasil dan memberi kejayaan. Aktiviti-aktiviti dan program-program yang dirancang seharusnya berpandukan atau merujuk kepada visi dan misi masjid yang telah ditetapkan. Sekiranya pemimpin menggariskan visi dan misi yang jelas, Ahli Jawatankuasa atau Pegawai masjid akan merancang dan bergerak selari dengan apa yang telah digariskan. Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) di masjid perlu merangkumi keempat-empat tunjang PSH iaitu pengetahuan, kemahiran, pembangunan insan dan kemasyarakatan.

4. Metodologi Penyelidikan

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan rekabentuk kajian berbentuk deskriptif. Kajian berbentuk deskriptif ini menggunakan kaedah kuantitatif iaitu melalui penggunaan set soal selidik yang diedarkan oleh penyelidik kepada nazir-nazir masjid di Selangor. Kajian deskriptif menerangkan fenomena dengan menganalisis data deskriptif yang diperolehi dengan soal selidik. Kajian tinjauan secara deskriptif adalah kajian terhadap perkara yang sedang berlaku. Seramai 200 orang responden telah terlibat melalui jadual penentuan saiz sampel. Responden telah dipilih melalui kaedah persampelan rawak mudah. Sampel yang telah dipilih adalah mewakili jumlah nazir-nazir masjid di Selangor. Seterusnya, data yang diperolehi kemudian dianalisa dengan menggunakan SPSS Version 23.0 (Statistical Package for Social Science) dan dijelaskan dalam bentuk statistik deskriptif. Statistik deskriptif telah digunakan oleh penyelidik bagi menguji kekerapan, peratusan dan min untuk mengenalpasti tahap min pengimarahannya masjid kariah di negeri Selangor melalui aktiviti masjid.

5. Dapatan dan Perbincangan

Hasil dapatan kajian berkaitan dengan Aktiviti Masjid seperti dalam Jadual 1 menunjukkan respon yang diberikan oleh Nazir terhadap item soalan yang berkenaan dengan aktiviti masjid. Nilai-nilai yang diperolehi adalah; (C14) Segala aktiviti masjid yang dirancang adalah dalam pantauan dan kebenaran Pengurusan Masjid (min = 4.45). (C15) Aktiviti kerohanian yang dianjurkan oleh pihak masjid mendapat sambutan daripada masyarakat setempat (min = 4.23). (C16) Aktiviti yang dianjurkan oleh pihak masjid selaras dengan semua peringkat umur (min = 4.21). (C17) Nazir Masjid membuat pemakluman berkaitan

aktiviti masjid melalui hebahan digital lebih awal sebelum program berlangsung (min = 4.37). (C18) Nazir Masjid membuat pemakluman berkaitan aktiviti masjid melalui hebahan lisan lebih awal sebelum program berlangsung (min = 4.30). (C19) Nazir membuat hebahan dan pemakluman berkaitan aktiviti masjid kepada Muslim melalui telefon bimbit (mesej, whatsapp, laman web, FB) (min = 4.36). (C20) Nazir membuat hebahan dan pemakluman berkaitan aktiviti masjid kepada Muslim melalui telefon bimbit (mesej, whatsapp, laman web, FB) (min = 3.52). (C21) Aktiviti masjid yang dianjurkan tidak ada kaitan dengan mana-mana parti politik (min = 4.53). Dapatan ini menunjukkan bahawa secara umumnya Nazir-Nazir memberikan respon yang baik dan memperolehi skor min pada tahap sangat tinggi kecuali pada item (C20) dan (C21) iaitu pada tahap tinggi sahaja.

Jadual 1 Tahap min Aktiviti Masjid

No.	Item Soalan	Min	Tahap
14	Segala aktiviti masjid yang dirancang adalah dalam pantauan dan kebenaran Pengurusan Masjid	4.45	Sangat Tinggi
15	Aktiviti kerohanian yang dianjurkan oleh pihak masjid mendapat sambutan daripada masyarakat setempat	4.23	Sangat Tinggi
16	Aktiviti yang dianjurkan oleh pihak masjid selaras dengan semua peringkat umur	4.21	Sangat Tinggi
17	Nazir membuat pemakluman berkaitan aktiviti masjid melalui hebahan digital lebih awal sebelum program berlangsung	4.37	Sangat Tinggi
18	Nazir membuat pemakluman berkaitan aktiviti masjid melalui hebahan lisan lebih awal sebelum program berlangsung	4.30	Sangat Tinggi
19	Nazir membuat hebahan dan pemakluman berkaitan aktiviti masjid kepada Muslim melalui telefon bimbit (mesej, whatsapp, laman web, FB).	4.36	Sangat Tinggi
20	Nazir menjemput golongan bukan Muslim untuk turut serta dalam aktiviti masjid yang diadakan melalui telefon bimbit (mesej, whatsapp, laman web, FB).	3.52	Tinggi
21	Aktiviti masjid yang dianjurkan tidak ada kaitan dengan mana-mana parti politik	4.53	Tinggi
	Keseluruhan min	4.24	Sangat Tinggi

Sumber: Soal Selidik (2020)

Hasil kajian bagi kekerapan/peratusan aktiviti masjid mendapati bahawa item 14 dan 17 iaitu “Segala aktiviti masjid yang dirancang adalah dalam pantauan dan kebenaran Pengurusan Masjid” dan “Nazir Masjid membuat pemakluman berkaitan aktiviti masjid melalui hebahan digital lebih awal sebelum program berlangsung” sebagai item yang paling majoriti responden memilih jawapan setuju dan sangat setuju dengan dua kenyataan ini.

Bagi item 14, seramai 108 orang (54%) yang setuju dan 91 orang (45.5%) sangat setuju terhadap item ini. Manakala item 17 pula iaitu seramai 121 orang (60.5%) setuju dan seramai 77 orang (38.5%) sangat setuju. Melalui dapatan kajian ini dapat disimpulkan bahawa aktiviti masjid yang dirancang adalah dalam pantauan oleh Nazir manakala setiap program yang dirancang dihebahkan melalui digital lebih awal sebelum program

berlangsung. Ini membuktikan bahawa segala aktiviti masjid yang dijalankan adalah dirancang dengan baik supaya setiap Ahli Kariah mendapat maklumat berkenaan aktiviti tersebut.

Manakala item 20 pula iaitu “Nazir menjemput golongan bukan Muslim untuk turut serta dalam aktiviti masjid yang diadakan melalui telefon bimbit (mesej, whatsapp, laman web, FB).” mendapati bahawa hasil kajian iaitu seramai 55 orang (27.5%) Nazir tidak pasti dengan kenyataan ini, 26 orang (13%) tidak setuju dan 3 orang (1.5%) sangat tidak setuju manakala seramai 95 orang (47.5%) setuju dan 21 orang (10.5%) sangat setuju terhadap item ini. Hasil kajian ini membuktikan bahawa terdapat Nazir Masjid yang melibatkan golongan non-Muslim terhadap aktiviti masjid yang dijalankan walaupun sebahagiannya tidak. Perkara ini adalah baik kerana dapat memberikan kesedaran kepada ahli di bawah pimpinan Nazir supaya cakna terhadap golongan non-Muslim. Perincian keseluruhan jawapan yang diberikan oleh responden ditunjukkan dalam Jadual 2 di bawah.

Jadual 2 Kekerapan/peratusan Aktiviti Masjid

BIL.	PERKARA	STS (N/%)	TS (N/%)	TP (N/%)	S (N/%)	SS (N/%)
14	Semua aktiviti masjid yang di rancang adalah dalam pantauan dan kebenaran pengurusan masjid	0 (0%)	0 (0%)	1 (0.5%)	108 (54%)	91 (45.5%)
15	Aktiviti kerohanian yang dianjurkan oleh pihak masjid mendapat sambutan daripada masyarakat setempat	0 (0%)	2 (1%)	3 (1.5%)	141 (70.5%)	54 (27%)
16	Aktiviti yang dianjurkan oleh pihak masjid selaras dengan semua peringkat umur	0 (0%)	4 (2%)	3 (1.5%)	139 (69.5%)	54 (27%)
17	Nazir membuat pemakluman berkaitan aktiviti masjid melalui hebahan digital lebih awal sebelum program berlangsung	0 (0%)	0 (0%)	2 (1%)	121 (60.5%)	77 (38.5%)
18	Nazir membuat pemakluman berkaitan aktiviti masjid melalui hebahan lisan lebih awal sebelum program berlangsung	0 (0%)	1 (0.5%)	4 (2%)	129 (64.5%)	66 (33%)
19	Nazir membuat hebahan dan pemakluman berkaitan aktiviti masjid kepada Muslim melalui telefon bimbit (mesej, whatsapp, laman web, FB).	0 (0%)	1 (0.5%)	2 (1%)	121 (60.5%)	76 (38%)

20	Nazir menjemput golongan non- Muslim untuk turut serta dalam aktiviti masjid yang diadakan melalui telefon bimbit (mesej, whatsapp, laman web, FB).	3 (1.5%)	26 (13%)	55 (27.5%)	95 (47.5%)	21 (10.5%)
21	Aktiviti masjid yang dianjurkan tidak ada kaitan dengan mana-mana parti politik	0 (0%)	3 (1.5%)	4 (2%)	77 (38.5%)	116 (58%)

Sumber: Soal Selidik (2020)

Menurut Mohamad Sofuan Mohamad Saleh (2019) implikasi daripada pelantikan Nazir Masjid yang tidak berkelayakan akan menimbulkan masalah kepada perancangan aktiviti masjid yang tidak pelbagai, mengetengahkan fahaman politik yang berlebihan, kurang kemahiran dalam aspek penggunaan kaedah dakwah yang sesuai dan sikap segelintir ahli jawatan kuasa masjid yang tidak menjadi *role-model* kepada masyarakat setempat dan masjid memberi implikasi negatif kepada masyarakat.

Manakala dalam analisis kajian yang dibuat oleh Mahazan dan Abdullah (2013) menunjukkan bahawa maklum balas masyarakat terhadap aktiviti-aktiviti anjuran masjid-masjid negeri di Semenanjung Malaysia berada pada tahap memuaskan. Ini berasaskan kepada penilaian responden terhadap aspek keberkesanan penganjuran aktiviti masjid, aspek kepuasan dan aspek persepsi responden tentang aktiviti yang diadakan. Tambahan pula, majoriti peningkatan positif tahap kefahaman sebelum dan selepas responden menyertai sesuatu aktiviti mengukuhkan lagi dapatan kajian yang dijalankan. Kajian menunjukkan purata kecenderungan penilaian responden terhadap aspek keberkesanan penganjuran aktiviti berada pada tahap memuaskan.

Ini menunjukkan bahawa, usaha-usaha ke arah memperbaiki kaedah pengurusan dan penganjuran sesuatu program perlu ditingkatkan oleh pihak pengurusan masjid negeri di Semenanjung Malaysia. Elemen-elemen yang perlu diberi perhatian adalah bilangan kakitangan yang mengendalikan aktiviti, penguasaan Bahasa Arab atau Bahasa Inggeris sebagai pengantar dalam aktiviti tersebut. Menurut Lokman Ab. Rahman et.al. (1996) masjid adalah institusi paling dekat di hati masyarakat. Peranan dan fungsi masjid sebagai pusat aktiviti perlu diperkasakan. Manakala pengimarah masjid adalah tanggung jawab bersama dan senario semasa aktiviti masjid adalah berdasarkan ibadah khusus (solat fardu), kelas pengajian harian dan mingguan, sambutan hari-hari kebesaran Islam, seminar dan kursus jangka pendek serta kelas al-Quran dan fardu Ain.

Sebagai tambahan, penegasan mengenai pengimarah institusi masjid sangat memerlukan keterlibatan ahli kariah sekeliling untuk saling membantu dengan pelbagai keupayaan yang dimiliki. Hal ini diamalkan pada zaman Rasulullah SAW yang menjadikan institusi masjid sebagai pusat kemasyarakatan atau sebuah institusi sosial bagi masyarakat setempat. Prinsip sosial yang dipraktikkan oleh Rasulullah SAW harus dijadikan panduan dan ianya memerlukan pengubahsuaian yang sewajarnya selaras dengan perkembangan masyarakat di dalam negara (Ab. Aziz Mohd Zain, 2002). Mohamad Sofuan Mohamad Saleh (2019) menjelaskan bahawa prinsip sosial melibatkan hubungan dan jalinan

kemasyarakatan yang perlu diwujudkan oleh pihak institusi masjid dengan masyarakat terutama kepada ahli kariah. Institusi masjid memerlukan ahli kariah untuk mengimarahkan masjid begitu juga dengan masyarakat memerlukan institusi masjid dalam hal-hal berkaitan perkahwinan, kematian, pusat menuntut ilmu dan sebagainya. Ini dinamakan sebagai hubungan sosial. Hubungan sosial sering dikaitkan dengan adanya suatu interaksi sosial. Hubungan sosial dalam kehidupan terjadi sama ada melalui hubungan kerja, hubungan institusi, hubungan aktiviti kemasyarakatan, kebajikan dan aktiviti sosial. Begitu juga dalam pengurusan institusi masjid, pihak pengurusan perlu menjaga hubungan yang baik di antara masyarakat sekeliling. Ini adalah institusi masjid merupakan tempat tumpuan masyarakat Islam. Boleh dikatakan hampir setiap hari masyarakat Islam berurusan dengan institusi masjid.

6. Penutup

Kajian ini dapat dibuktikan bahawa terdapat beberapa elemen penting dalam melaksanakan aktiviti masjid yang menjadi pengukur dalam meningkatkan pengimarahkan masjid. Pengurusan masjid dengan sistematik dan pelbagai akan terlihat satu perkembangan positif kepada pengimarahkan masjid. Faktor kerjasama dan komitmen antara Nazir, Ahli Jawatankuasa dan masyarakat akan menyumbang kepada kejayaan kepada segala aktiviti masjid yang dirancang.

RUJUKAN

Al-Quran.

- Ab. Aziz Mohd Zain. (2002). *Pembangunan Minda Pegawai Masjid*. Seminar Pembangunan Masjid Jabatan Dakwah Dan Pembangunan Insan Pengajian Islam Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Abdul Munir Ismail. (2012). *Urus Tadbir Masjid Secara Berkesan*. Perak:UPSI.
- al-Baidawi. (1373H). *Tafsir al-Quran al-Karim*. Misr: Maktabah wa al-Matba'ah Mustafa al-Halabi.
- Faisal Ahmad Shah. (2014). *Jurnal Hadith-hadith berkaitan melawat masjid bagi non uslim: Hukum dan kesannya terhadap dakwah*. Petaling Jaya: Universiti Malaya.
- Hailani Salamun & Rofishah Rashid. (2016). *Tahap Amalan Kepemimpinan Pengerusi Masjid Di Terengganu*. *Journal of Business and Social Development* Volume 4 Number 1, March 2016: Penerbit UMT. Terengganu.
- Ibn Kathir, Ismail Ibn Kathir al-Qurasyi al-Dimasyqiyy. (1996). *Tafsir al-Quran al-'Azim*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Ibn Khaldun, A.R. (1974). *The Muqaddimah*. Princeton: Princeton University Press.
- Lokman Ab. Rahman et.al. (1996). *Pengantar Sains Pengurusan Masjid*. Melaka: Majlis Agama Islam Melaka.
- Mahazan, A. M. & Abdullah, A. G. (2013). *A Model of Imam's Leadership and Mosque Performance in Malaysia*.
- Mohamad Sofuan Mohamad Saleh. (2019). *Pengimarahkan Masjid: Masjid Mesra Ummah-Isu dan Cabaran*. *E-Proceeding International Masjid, Zakat and Waqaf Management(IMQF 2019) KUIS*. Bangi.

- Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi. (1999). Peranan, Kurikulum dan Reka Bentuk Masjid sebagai Pusat Pembangunan Masyarakat. Johor Bahru: UTM Skudai Press.
- Razaleigh Muhamat@Kawangit dan Zulkefli Ani. (2003). Memperkasa Aktiviti Masjid Sebagai Medium Dakwah (Dalam) Membangun Institusi Masjid. Bangi: Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan APIUM.
- Roslan Mohamed. (2008). Pemerkasaan Masjid Melalui Pengurusan Profesional. Dlm. Mohd. Ismail Mustari & Kamarul Azmi Jasmi (pnyt.). Pengurusan Berkualiti Memacu Kecemerlangan Pengurusan Masjid. Skudai: Penerbit UiTM.
- Wan Mohammad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz. Pendekatan Baru Dalam Pengimarahhan Masjid. Kertas seminar ini dibentangkan dalam seminar Imam-Imam Masjid Seluruh Negara di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 15 April 2008.
- Yasim Mohamed. (2015). Pusat Sumber Masjid As-Salam: realiti, cabaran dan harapan. Puchong: Masjid As-Salam.
- Yusuf al-Qardhawi. (1990). Fatawa al-Mu'asarah. Kuwait: Dar al-Qalam.